

BAB I

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Al-Qur'an al-Karim adalah kitab suci yang diturunkan oleh Allah (s.w.t) kepada Nabi Muhammad (s.a.w) yang menjadi rujukan utama umat Islam. Al-Qur'an mengandungi ayat-ayat yang meliputi pelbagai bidang seperti aqidah, fiqh, akhlak, sejarah, geologi, sosiologi dan sebagainya. Salah satu ciri al-Qur'an ialah ia mempunyai pelbagai keistimewaan yang mencabar manusia atau lebih tepat disebut sebagai i'ja:z yang berkekalan sehingga berlakunya qiamat. I'ja:z al-Qur'a:n tidak sama dengan mukjizat ḥissiy (kebendaan) yang lain seperti bulan terbelah dua, air keluar daripada jari-jemari baginda (s.a.w). Mukjizat tersebut hanya dapat dilihat pada waktu berlakunya peristiwa tersebut. Hari ini, mukjizat ḥissiy hanya diketahui melalui hadith-hadith yang sahih. Satu-satu mukjizat yang kekal sehingga kini ialah al-Qur'an. Tidak ada manusia dan jin yang dapat menandingi i'ja:z al-Qur'a:n, sejak dahulu, sekarang dan akan datang.¹ Keunggulan al-Qur'an menyebabkan penulisan dan kajian berkaitan al-Qur'an tidak akan selesai sehingga qiamat seperti yang ditegaskan oleh hadith Nabi (s.a.w) yang bermaksud : "...Keajaiban al-Qur'an tidak akan berhenti dan ulama tidak akan puas mengkajinya..."²

Pernyataan ini turut diakui oleh sarjana Jerman, Stefan Wild. Menurutnya;

"Kajian saintifik berhubung al-Qur'an tidak pernah selesai. Tidak seorang pun yang tahu metode apakah yang akan dikembangkan serta digunakan oleh para mufassir akan datang. Metode-metode tersebut pasti akan melalui perkembangan dan penyempurnaan kerana teks al-Qur'an sesuai untuk manusia sepanjang zaman. Oleh itu tidak akan ada kata selesai bagi dunia penafsiran dan kajian-kajian ilmiah terhadap teks al-Qur'an."³

¹ al-Ba:qilla:niyy (1963), *op.cit.*, hal. 1.

² Hadith ini diriwayatkan oleh Saidina Ali (r.a) dalam Kita:b Faḍa:'il al-Qur'a:n, Ba:b Ma: Ja:a fi: Faḍl al-Qur'a:n, no. hadith 2906, Sunan al-Thirmidhiyy, j. 5, hal. 85.

³ Ungkapan ini merupakan kata pengantar oleh Stefan Wild semasa penerbitan semula tesis berjudul Die Litwraryische Koraninterpretation: Eini Analyse Ihrer Fruhen Elemente und Ihrer Entwicklug (Akar

1.1 Latar Belakang Kajian

Perkembangan i‘ja:z bermula pada zaman penurunan al-Qur’ān. Ia bermula dengan fungsi al-Qur’ān sebagai kitab yang diturunkan oleh Allah (s.w.t) dan bukti kenabian Muhammad (s.a.w). Pada zaman penurunan, kebenaran al-Qur’ān bukan sahaja dipercayai oleh umat Islam bahkan turut diakui oleh musuh. Al-Qur’ān diturunkan dalam bahasa Arab yang sangat tinggi dan indah bahasanya sesuai dengan bangsa Arab yang terkenal dengan penyair-penyair dan ahli bahasa yang sangat mahir berbahasa. Sebagai contoh, al-Wali:d bin al-Mughi:raṭ merupakan orang yang sangat fasih berbahasa dan menjadi tempat rujukan kepada penyair-penyair Arab turut memberi pengiktirafannya terhadap al-Qur’ān. al-Wali:d berkata⁴ :

وَاللَّهُ إِنْ قَوْلُهُ لَحَالُهُ وَإِنْ عَلَيْهِ لَطَلَوَةٌ وَإِنَّهُ لَمُثْنِرٌ أَعْلَاهُ، لَمُغْدِقٌ أَسْفَلَهُ، وَأَنَّهُ لَيَعْلُو وَلَا يَعْلَى، وَأَنَّهُ لَيَحْتَمِ مَا تَحْتَهُ

“ Demi Allah, kata-katanya sangat manis, sangat elok dan sedap, sangat berbuah (berfaedah) di atasnya, sangat lebat di bawahnya, ianya sangat tinggi, tidak ada yang dapat mengatasinya, dan ia memecahkan apa yang di bawahnya (menilai atau menghukum).⁵

I‘ja:z al-Qur’ā:n telah terbukti buat kali pertamanya daripada lima ayat yang pertama diturunkan kepada Nabi Muhammad (s.a.w).⁶ Ayat-ayat tersebut menjadi satu kejutan kepada masyarakat Arab kerana mereka tidak pernah mendengar bahasa seindah al-Qur’ān. Sebagai contoh kelainan dalam ayat pertama dapat dilihat seperti berikut:

Sejarah Metode Sastera Dalam Tradisi Islam) oleh M.Nur Kholis Setiawan. Lihat: M.Nur Kholis Setiawan (2005), *op.cit.*, hal. xxxii.

⁴ Ucapan ini disebut oleh al-Wali:d bin al-Mughi:raṭ selepas beliau mendengar bacaan al-Qur’ān yang dibaca oleh Rasul (s.a.w). Hatinya tunduk dan hampir-hampir memeluk Islam. Peristiwa tersebut sampai kepengetahuan Abu Jahal, menyebabkan beliau memujuk al-Wali:d untuk membuat satu pernyataan menolak al-Qur’ān. Al-Wali:d menjawab: Apakah yang aku ingin katakan? Demi Allah tidak ada orang yang lebih tahu daripadaku berkenaan syair. Demi Allah bahasa al-Qur’ān ini tidak menyamai syair-syair ini.

⁵ Hadith berhubung kisah al-Wali:d bin al-Mughi:raṭ mendengar bacaan al-Qur’ān diriwayatkan oleh Ima:m al-Ḥa:kim dalam al-Mustadrak. Menurutnya hadith ini sahih mengikut syarat al-Bukha:riyy dan Muslim, tetapi kedua-duanya tidak meriwayatkannya. Pandangan al-Ḥa:kim disepakati oleh Imam al-Thahabiyy. **Lihat:** al-‘Aliyy (2000), Ṣaḥi:h al-Siraṭ al-Nabawiyyaṭ, hadith no. 113, hal. 45.

⁶ Surah al-‘Alaq (96):1-5

Firman Allah (s.w.t):

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي حَلَقَ ﴿١﴾

Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Surah al-‘Alaq(96):1

- (a) Perkataan pertama yang menjadi permulaan wahyu ialah أَقْرَأْ “Bacalah”. Ia suatu kejutan kepada masyarakat Arab yang tidak tahu membaca dengan seorang Nabi yang buta huruf tiba-tiba membaca ayat ini أَقْرَأْ “Bacalah!”.
- (b) Ayat yang pertama dimulakan dengan kata kerja imperatif أَقْرَأْ yang bermaksud ‘Bacalah’. Permulaan dengan perintah membaca berbeza dengan syair yang biasanya bermula dengan memuji wanita (ghaza:l) atau menyebut kesan kemasuhan (atla:l).
- (c) Perkataan رَبِّكَ juga menjadi kejutan kepada masyarakat kerana perkataan yang biasa digunakan pada masa itu ialah إِلَهٌ yang merujuk kepada berhala dan makhluk-makhluk yang disembah selain Allah (s.w.t). Demikian juga ayat-ayat yang seterusnya menjadi kejutan kepada orang Arab.⁷

Sejak itu ayat demi ayat diturunkan kepada Rasul (s.a.w) selama dua puluh tiga tahun. Sebahagian manusia menerima seruan yang dibawa oleh Muhammad (s.a.w) dan menjadikan al-Qur'an sebagai panduan hidup mereka. Sebahagian yang lain menolaknya dengan pelbagai alasan dan tuduhan seperti mengatakan Muhammad itu seorang yang gila, tukang sihir atau tukang tenung. Bagi menjawab tuduhan-tuduhan yang dilemparkan, al-Qur'an telah mencabar manusia seluruhnya supaya mendatangkan satu ayat walaupun pendek untuk menandingi al-Qur'an. Sehingga ke saat ini, tidak ada seorang pun yang mampu menyahut cabaran tersebut. Walaupun bangsa Arab mempunyai pakar-pakar bahasa yang fasih, mahir dalam balaghah, menguasai berbagai bentuk dan gaya pengungkapan bahasa Arab, baik syair maupun

⁷ Lihat perbincangan mengenai i‘ja:z al-Qur’ā:n dalam lima ayat pertama diturunkan dalam al-Qaysiyy, (1996), *op.cit.*, hal. 29-32.

prosa namun mereka tidak mampu mencipta satu ayat yang setanding dengan al-Qur'an. Pada peringkat ini *i'ja:z al-Qur'a:n* menjadi satu dalil bahawa al-Qur'an adalah Kalamullah. Perkara ini menjadi pegangan pada zaman sahabat, tabi'in dan tabi'tab'iin sehingga kurun ke-3H. Pada peringkat tersebut, para sarjana tidak membincangkan definisi *i'ja:z* kerana istilah ini belum wujud pada waktu itu.⁸

Pada awal kurun ke-4H, disiplin ilmu *i'ja:z* mula dibincangkan secara sistematis. Kajian dan tulisan yang dihasilkan pada peringkat ini adalah tertumpu kepada persoalan gaya bahasa al-Qur'an yang tidak boleh ditandingi yang akhirnya membawa kepada terbentuknya disiplin ilmu *i'ja:z al-Qur'a:n* dan ia lebih tertumpu kepada aspek balaghah (*i'ja:z baya:niyy*). Sebagai contoh al-Rumma:niyy (m 384H) menghuraikan aspek balaghah dalam bukunya al-Nukat fi: *i'ja:z al-Qur'a:n*⁹ yang terdiri daripada *i:ja:z*, simile (tasybi:h), *isti'a:rat*, kesesuaian (tala:'um) dan *fa:ṣilat*.¹⁰

Selain dimensi balaghah, dimensi-dimensi *i'ja:z al-Qur'a:n* yang lain turut disebut sepanjang tempoh ini, tetapi secara umum atau secara tidak langsung. Sebagai contoh al-Khaṭṭa:biyy (m 388H) menyebut dalam kitabnya *Baya:n I'ja:z al-Qur'a:n* beberapa dimensi *i'ja:z*, seperti aspek kandungan yang menceritakan tentang kejadian yang berlaku pada masa akan datang di samping aspek kefasihan bahasanya. Aspek *i'ja:z al-Qur'a:n* daripada aspek psikologi turut disentuh oleh al-Khaṭṭa:biyy tanpa ulasan panjang.¹¹ Walaupun al-Khaṭṭa:biyy berpandangan bahawa *i'ja:z al-Qur'a:n* dapat dibuktikan melalui pelbagai dimensi, namun beliau melihat satu-satunya dimensi

⁸ al-Kha:liyy (2001), *op.cit.*, hal. 106.

⁹ Karya ini diterbitkan dan disunting oleh Muḥammad Khalaf Alla:h dan Muḥammad Zagħlu:l Sala:m bersama dua karya lain berkaitan *i'ja:z* iaitu *Baya:n I'ja:z al-Qur'a:n* hasil nukilan al-Khaṭṭa:biyy dan al-Risa:lat al-Sya:fiyat fi: *I'ja:z al-Qur'a:n* oleh al-Jurja:niyy.

¹⁰ al-Rumma:niyy (1968), *op.cit.*, hal. 110. Fasilah bermaksud....

¹¹ al-Khaṭṭa:biyy (1968), *op.cit.*, hal. 64.

yang terdapat dalam setiap ayat dan seluruh al-Qur'an adalah daripada aspek balaghah.

Dimensi-dimensi yang lain hanya terdapat dalam ayat-ayat yang tertentu sahaja.¹²

Dimensi-dimensi yang disentuh oleh al-Khaṭṭābiyy terus digarap dan diperincikan oleh sarjana-sarjana yang datang selepasnya, termasuk al-Baqillāniyy. Pada kurun ke-6H, al-Ghaza'liyy (m 505H) muncul melalui kitabnya *Iḥyā: 'Ulu:m al-Dīn* yang mengemukakan aspek ilmiah dalam al-Qur'an, walaupun beliau tidak menamakannya sebagai *i‘jaःz* ilmiah.¹³ Cetusan idea yang ditimbulkan oleh al-Ghaza'liyy menjadi perintis kepada kajian *i‘jaःz* ilmiah pada zaman moden dengan kemunculan satu aliran yang cenderung membincangkan aspek ini. Selepas al-Ghaza'liyy, tokoh-tokoh yang membincangkan *i‘jaःz* al-Qur'a:n tidak menambah dimensi yang baru dan hanya membuat penambahan dari segi perincian terhadap dimensi-dimensi yang dibincangkan oleh tokoh-tokoh sebelum mereka.

Pada kurun ke-14 dan ke-15H, penulisan berkaitan *i‘jaःz* al-Qur'a:n terus berkembang dengan kemunculan para sarjana beserta kajian-kajian ilmiah yang membincangkan tentang *i‘jaःz* al-Qur'a:n secara khusus. Penulisan tentang *i‘jaःz* al-Qur'a:n pada kurun ke-14 dan 15H meliputi pelbagai demensi seperti *i‘jaःz bayaःniyy*, *i‘jaःz ilmiah*, *i‘jaःz perkhabaran ghaib*, *i‘jaःz pensyariatan*, *i‘jaःz psikologi* dan *i‘jaःz penggunaan angka ('adadiyy)*.

Penjelasan ini menunjukkan *i‘jaःz* al-Qur'a:n merupakan suatu ilmu yang sangat luas untuk dikaji. Justeru penulis memilih *i‘jaःz* al-Qur'a:n sebagai bidang kajiannya khususnya yang berkaitan dengan balaghah al-Qur'an. Ini kerana dengan mengkaji dan

¹² *Ibid*, hal. 21

¹³ al-Ghaza'liyy (1939), *op.cit.*, hal. 258.

meneliti keindahan bahasa al-Qur'an akan dapat membuktikan lagi kebenaran al-Qur'an.

1.2 Pernyataan Masalah Kajian

Persoalan mengenai i'ja:z al-Qur'a:n akan terus menjadi kajian dari semasa ke semasa kerana ia menjadi salah satu daripada cara untuk membuktikan keaslian dan ketulenan al-Qur'an. I'ja:z al-Qur'a:n perlu dikaji dan dihayati sesuai dengan perintah Allah (s.w.t) kepada manusia supaya mentadaburi al-Qur'an dengan minda dan hati yang terbuka. Kajian-kajian berhubung i'ja:z al-Qur'a:n sebenarnya merupakan suatu keperluan kerana dengan cara ini dapat mengukuhkan lagi dapatan-dapatan sarjana-sarjana terdahulu sesuai dengan hadith Nabi (s.a.w) yang telah disebut sebelum ini iaitu al-Qur'an tidak akan berakhir keajaibannya dan ulama tidak akan puas mengkjinya.

Semasa membuat rujukan awal tentang kajian, penulis mendapati beberapa masalah yang timbul iaitu:

- (a) Persoalan i'ja:z ialah persoalan yang dibincangkan secara luas oleh para sarjana dalam pelbagai disiplin ilmu dan pelbagai aliran pemikiran. Sarjana-sarjana awal berselisih tentang i'ja:z adakah daripada aspek balaghah atau şarfat? Sarjana moden pula berselisih pandangan mengenai konsep i'ja:z. Sebahagian berpendapat i'ja:z hanya pada aspek balaghah sahaja dan sebahagian yang lain berpegang kepada dimensi-dimensi i'ja:z datang dalam pelbagai bentuk seperti i'ja:z ilmiah, i'ja:z pensyaritan, i'ja:z penggunaan angka ('adadiyy), i'ja:z psikologi dan i'ja:z perkara ghaib. Penulis telah mendapati perkara tersebut dan berhadapan dengan masalah untuk menentukan apakah konsep i'ja:z al-Qur'a:n yang sebenarnya. Lantaran itu, penulis perlu mengkaji

dan menganalisis secara mendalam fenomena ini untuk mendalami rahsia i‘jaःz al-Qur’ā:n.

- (b) Terdapat pelbagai kajian berkaitan i‘jaःz dalam kajian-kajian terdahulu tetapi tiada suatu teori yang mendalam dan menyeluruh berhubung i‘jaःz al-Qur’ā:n. Penulis-penulis yang mengkaji balaghah al-Qur’ān mengkaji aspek-aspek tertentu seperti gaya bahasa ungkapan sisip (i‘tiraःd) fašl dan wašl, gaya bahasa pengulangan, gaya bahasa insyaः’iy dan lain-lain. Penulis-penulis tersebut hanya menyebut secara umum bahawa aspek tersebut menjadi salah satu aspek i‘jaःz al-Qur’ā:n tanpa menyebut suatu teori yang terperinci berkaitan i‘jaःz al-Qur’ā:n dan khususnya i‘jaःz bayaःniyy. Kajian-kajian tersebut tidak mengaitkan teori dan analisis mereka dengan i‘jaःz al-Qur’ā:n secara terperinci.
- (c) Terdapat beberapa aspek dalam ilmu ma‘āniः yang kurang mendapat perhatian dalam karya-karya yang dihasilkan. Tidak semua penulis yang mengarang dalam bidang ilmu ma‘āniः membincangkan topik seperti ta‘riःf dan tankiःr. Topik-topik seperti pendepanan dan pengakhiran, penyebutan dan pengguguran, i‘jaःz dan iṭnaःb kurang ditekankan oleh sebahagian penulis berbanding topik-topik seperti gaya bahasa khabariyy dan gaya bahasa insyaः’iy. Kekurangan ini mendorong penulis untuk memaparkan kajian ini bagi menyempurnakan kekurangan tersebut.
- (d) Sebahagian daripada penulis yang menulis teori-teori ilmu ma‘āniः kurang menyebut contoh-contoh daripada al-Qur’ān. Sekiranya sarjana tersebut menyebut contoh-contoh daripada al-Qur’ān, penulis mendapat contoh-contoh yang dibincangkan hampir sama dan fungsi balaghah tidak diuraikan secara mendalam. Walaupun tidak dinafikan sebahagian daripada contoh-contoh tersebut dibincangkan secara terperinci dalam kitab tafsir al-Qur’ān aliran balaghah tetapi ia masih bercampur dengan bidang-bidang lain dalam ilmu tafsir. Faktor ini telah mendorong penulis untuk mengkaji aspek tersebut dalam salah sebuah daripada surah-surah al-Qur’ān.

1.3 Objektif Kajian

Kajian dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

- (a) Mengenalpasti konsep i‘ja:z al-Qur’ā:n dan secara khususnya i‘ja:z baya:niyy.
- (b) Menghuraikan perhubungan yang terjalin antara struktur ayat bahasa Arab dari segi balaghah dengan i‘ja:z al-Qur’ā:n yang berkaitan ilmu ma‘āni:.
- (c) Menganalisis struktur ayat yang menjadi elemen i‘ja:z dalam surah Maryam.

1.4 Persoalan Kajian

- (a) Apakah i‘ja:z al-Qur’ā:n terbatas kepada i‘ja:z baya:niyy atau meliputi dimensi-dimensi yang lain seperti i‘ja:z perkara ghaib, i‘ja:z ilmiah, i‘ja:z psikologi, i‘ja:z pensyariatan dan i‘ja:z penggunaan angka (‘adadiyy)?
- (b) Apakah elemen-elemen i‘ja:z baya:niyy dan apakah hubungan antara struktur ayat dengan i‘ja:z al-Qur’ā:n?
- (c) Bagaimanakah aspek-aspek ilmu ma‘āni: seperti gaya bahasa ta‘ri:f dan tanki:r, gaya bahasa penegasan serta i:ja:z dan i:tña:b menjadi bukti i‘ja:z al-Qur’ā:n melalui surah Maryam?

1.5 Kepentingan Kajian

Pertama sekali, dapatan kajian ini dijangka akan dapat memantapkan lagi teori-teori tentang i‘ja:z al-Qur’ā:n yang telah diasaskan oleh sarjana terdahulu. Teori, pandangan serta perincian mengenai i‘ja:z al-Qur’ā:n telah banyak dipaparkan oleh tokoh-tokoh terdahulu seperti al-Khaṭṭā:biyy, al-Rumma:niyy, al-Jurja:niyy, al-Zamakhsyariyy dan tokoh-tokoh semasa seperti al-Ra:fī:iyy, Najja:r, al-Kha:lidiyy,

‘Abba:s, al-Muṭ‘aniyy, La:syi:n, Bint al-Sya:ti:’ dan al-Samarra:iyy. Kajian ini juga diharapkan menjadi satu usaha yang sedikit berbanding sumbangan dan saham yang besar yang telah diberikan oleh sarjana-sarjana dan tokoh sebelum ini dalam membongkar dapatan yang terdapat dalam al-Qur'an, yang belum ditemui oleh orang-orang sebelum ini atau mengukuhkan lagi penemuan-penemuan mereka.

Kajian ini juga diharap dapat menonjolkan peranan besar sebahagian ulama tafsir, ahli bahasa dan cendiakawan Islam dalam memberikan sumbangan mereka terhadap al-Qur'an mengikut bidang kepakaran mereka. Sebahagiannya memberikan sumbangan secara langsung dan sebahagian yang lain memberi sumbangan secara tidak langsung. Kajian ini akan meninjau sumbangan sarjana dalam bidang i‘ja:z al-Qur'a:n secara umum dan i‘ja:z baya:niyy secara khusus.

Di samping memantapkan teori-teori sedia ada, kajian ini dijangka akan dapat melaporkan teori-teori atau pandangan baru tentang i‘ja:z al-Qur'a:n khususnya i‘ja:z baya:niyy. Teori yang dirumus daripada pengamatan sarjana-sarjana terdahulu dan pengkajian oleh penulis diharap menjadi panduan yang praktikal kepada i‘ja:z al-Qur'a:n yang akan diaplikasi menerusi surah Maryam. Sebab pemilihan surah Maryam akan dihuraikan selepas ini. Beberapa aspek seperti ta‘ri:f dan tanki:r, penegasan serta i:ja:z dan iṭna:b boleh menjadi indikator bagi melihat dengan lebih mendalam bahasa al-Qur'an yang merupakan bukti i‘ja:z al-Qur'a:n. Penghayatan dan pembacaan secara lebih mendalam terhadap surah Maryam sebagai sampel diharap akan dapat menunjukkan kepada masyarakat yang mencintai bahasa Arab supaya mempelajari bahasa Arab bukanlah setakat tujuan komunikasi, bahkan matlamat yang lebih jauh iaitu menambahkan keyakinan terhadap keaslian al-Qur'an dan sekaligus menolak sebarang keraguan terhadapnya.

Dapatkan kajian ini juga boleh menjadi asas kepada kajian-kajian yang lebih banyak berkenaan i‘ja:z al-Qur’ā:n di Malaysia. Kajian-kajian seperti ini perlu sekali memandangkan bahasa Melayu menjadi bahasa ibunda masyarakat Islam di Malaysia dan tidak ramai yang menguasai bahasa Arab secara mendalam. Dengan ada kajian-kajian seperti ini, diharap dapat membuka minda mereka berhubung kepentingan bahasa Arab dalam memahami al-Qur’ān.

Di samping itu, input-input yang diberikan boleh juga menjadi panduan kepada pihak bertanggungjawab terhadap pengajaran bahasa Arab dalam penggubalan kurikulum khususnya berkaitan ilmu balaghah supaya pengajaran balaghah menjadi suatu yang lebih menarik. Kajian ini juga diharap boleh dijadikan sebagai modul pengajaran balaghah untuk tujuan mendalami i‘ja:z al-Qur’ā:n di peringkat pengajian lebih tinggi seperti di Darul Quran, JAKIM atau universiti.

1.6 Batasan Kajian

Oleh kerana aspek i‘ja:z al-Qur’ā:n meliputi pelbagai demensi maka kajian lebih berfokus kepada aspek balaghah bahasa Arab dan secara spesifiknya ilmu ma‘āni:. Kajian juga akan menyentuh tentang polemik berhubung dimensi i‘ja:z al-Qur’ā:n dan pemerhatian akan diberikan kepada i‘ja:z baya:niyy. Semasa membincangkan struktur ayat dan analisis surah Maryam, penulis memilih tiga aspek dalam ilmu ma‘āni: iaitu gaya bahasa penegasan, gaya bahasa ta‘ri:f dan tanki:r serta i‘ja:z dan itna:b. Aspek-aspek lain dalam ilmu ma‘āni: serta aspek-aspek dalam ilmu baya:n dan ilmu badi:‘ tidak menjadi perbincangan penulis semasa menganalisis surah Maryam. Oleh kerana tiga aspek yang dikaji, penulis akan menghuraikan aspek-aspek tersebut dalam surah Maryam melalui contoh-contoh yang dapat membuktikan i‘ja:z al-Qur’ā:n.

1.7 Bidang Kajian

Kajian yang dijalankan adalah dalam bidang balaghah bahasa Arab. Namun di tempat-tempat tertentu bidang-bidang lain turut disentuh bagi memantapkan kajian ini. Antara bidang tersebut ialah tatabahasa dan morfologi. Bidang tafsir, Qira'at dan hadith turut dirujuk bagi menyokong kajian ini.

1.8 Sebab Pemilihan Surah

Mana-mana surah al-Qur'an sama ada surah yang paling pendek iaitu surah al-Kawthar atau surah yang paling panjang iaitu surah al-Baqara¹⁴ adalah sesuai untuk dijadikan sebagai topik kajian mereka kerana bahasa al-Qur'an berada pada tahap yang paling fasih. Mana-mana pengkaji yang mengkaji mana-mana surah al-Qur'an akan bertemu dengan keajaiban dan keindahan bahasa al-Qu'ran. Dalam kajian ini, penulis memilih untuk mengkaji surah Maryam. Terdapat beberapa sebab yang mendorong penulis untuk memilih surah Maryam sebagai topik kajiannya:

(a) Surah Maryam merupakan surah-surah awal yang diturunkan kepada Nabi (s.a.w) berdasarkan kepada sebuah Hadith yang yang diriwayatkan daripada Ibn Mas'ud (r.a).¹⁴ Hadith ini menyatakan:

بَنِي إِسْرَائِيلَ وَالْكَهْفُ وَمَرِيمٌ وَطَهُ وَالْأَنْبِياءُ هُنَّ مِنْ الْعِتَاقِ الْأُوَّلِ، وَهُنَّ مِنْ تِلَادِيٍّ

“Surah Bani: Isra'il, al-Kahf, Maryam, Ta:ha: dan al-Anbiya:, merupakan (surah-surah) lama yang awal, ia merupakan harta lamaku yang asal.”¹⁵

¹⁴ Hadith ini kali pertama didengari oleh penulis semasa mengikuti kuliah tafsir surah al-Kahf yang disampaikan oleh al-Kha:lidiyy. Kuliah ini disampaikan sebelum Jumaat di Masjid 'Abd al-Rahma:n bin 'Auf di Suweilah, Jordan semasa penulis mengikuti ijazah pertama.

¹⁵ Hadith riwayat Imam al-Bukha:riyy, Kita:b al-Tafsi:r, Ba:b Tafsi:r Su:ra¹ al-Anbiya:, no. hadith. 4739.

Hadith ini mendorong penulis untuk mengkaji salah satu daripada surah-surah yang disebut dalam hadith ini kerana ia disifatkan sebagai تِلَادِيٰ وَ الْعِتَاقِ الْأُولَى. Apakah keistimewaan surah-surah ini sehingga disifatkan sebagai harta lamaku yang asal? Apabila membuat tinjauan awal terhadap karya-karya yang ditulis dalam Bahasa Melayu, penulis mendapati banyak penulis yang memberi tumpuan kepada surah al-Kahf dan belum ada kajian yang menganalisis surah-surah lain yang disebut dalam hadith ini. Setelah membuat penelitian penulis memutuskan untuk mengkaji surah Maryam.

(b) Antara sebab lain yang mendorong penulis memilih surah Maryam sebagai tajuk kajiannya ialah kerana pada peringkat ijazah pertama, penulis membeli sebuah buku bertajuk *Dira:sat Qur'a:niyat* yang dihasilkan oleh Quṭb, Muḥammad (1991), saudara kandung kepada Quṭb, Sayyid, penulis tafsir yang masyhur *Fi: Zila:l al-Qur'a:n*. Semasa membaca buku ini penulis tertarik dengan ulasan Quṭb berkaitan pengalamannya membaca surah Maryam semasa usia beliau belasan tahun. Antaranya beliau menyebut:

لِمَكَ الْفَوْقُوْفَةِ كَانَ الْقُرْآنُ يَهُزُّ الصُّوفِيِّ فِي سَبَحَاتِهِ وَخَاصَّةً
يَنْ كُونَتُ لَهُجَّةُ تِلَادِيٰ وَالْعِتَاقِ الْأُولَى وَتَهُ من الشَّيْخِ مُحَمَّدِ رَفِعَتْ فِي الْمَذَيَّاعِ كُونَتُ أَحَسَّ أَنَّهُ يَقْرَأُ
بِرُوحِهِ لَا بِلَسْلَيْقِرَأُ مِنْ أَعْمَاقِ قَلْبِهِ كَانَ مِنْ لَا أَشْهَدَهُ تَائِيَّا فِي نَفْسِي تِلَادِيٰ وَالْعِتَاقِ الْأُولَى
لِسُورَةِ مَرِيمٍ وَمَا تَزَالُ !
فِيلِكِ تَالْفَتَرَةِ كَانَتْ سُورَهُرِيمٍ بِصِفَةِ خَاصَّةٍ - بِحَدِّيَّنِي إِلَيْهَا جَدِيدًا قَوِيًّا لَا

زَكَرِيَّا وَخَلْقِ عِيسَى بَغِيرٍ

لَغَتٌ فِي نَفْسِي مَبْلَغُلَنِ التَّأْثِيرِ لَا يُمْكِنُ وَصْفُهُ

!

لَتُ أَذْكُرُ إِلَى هَذِهِ الْحُظْةِ هَتَّلِيَ السُّورَةِ فِي نَفْسِيَنِ مَا وَلَهَا إِلَى
أَكَانَ لَهَا فِي نَفْسِي تَأْثِيرٌ أَشَدُّ مَا وَلَهَا تِ

..

فِي مُفْتَحِ السُّورَةِ

Pada tempoh itu, al-Qur'an menggerakkan daku sebagaimana seorang ahli tasauf bersemangat semasa mereka bertasbih dan berdoa, khususnya semasa saya mendengar bacaan al-Qur'an oleh syaikh Muḥammad Rifat di radio...pada waktu itu saya merasakan beliau membaca dengan rohnya bukan dengan lidahnya. Dia membaca dari lubuk sanubarinya...Bacaannya yang paling berkesan dijiwaku ialah semasa beliau membaca surah Maryam...dan ia masih berkesan sehingga sekarang!

Pada waktu itu surah Maryam-secara khususnya- memikat hati saya dengan tarikan yang kuat yang saya tidak mampu menolaknya, bahkan saya tidak suka untuk menolaknya!!

Di dalam surah Maryam ada kuasa luar biasa melalui kelahiran seorang anak kepada Zakaria (a.s) dan penciptaan Isa (a.s) tanpa ibu. Intonasinya yang merdu dan mengagumkan di tambah pula dengan bacaan syaikh Muḥammad Rifat, saya terkesan dengan Surah Maryam dengan kesan yang tidak dapat saya ungkapkan dengan tulisan atau percakapan.!

Saya masih ingat sehingga kesaat ini, kesan surah ini terhadap saya dari awalnya sehingga akhirnya...sekalipun ada bahagian tertentu dari surah ini sangat memberi kesan kepada saya. Pertamanya ialah huruf-huruf yang menjadi pembukaan kepada surah...¹⁶

Kisah ini menjadi salah satu sebab yang mendorong penulis mengkaji dan menganalisis surah Maryam secara lebih mendalam.

(c) Pada peringkat ijazah pertama, penulis pernah membaca sebuah buku¹⁷ yang menyebut bahawa al-Asma' al-Ḥusna الرحمن disebut sebanyak 16 kali dalam surah Maryam. Penyebutan ini merupakan penyebutan yang paling banyak berbanding surah-surah yang lain. Contohnya surah al-Baqaraٰ yang panjang hanya menyebutnya sekali sahaja. Keistimewaan ini telah mendorong penulis untuk mengkaji surah Maryam secara lebih mendalam.

(d) Semasa penulis membaca buku sirah, penulis membaca kisah Ja'far bin Abu Talib yang mengetuai delegasi hijrah yang pertama ke Habsyah. Ummu Salamah meriwayatkan bahawa al-Najasyi berkata kepada Ja'far bin Abu Talib:

فَاقْرأْهُ عَلَيَّ

¹⁶ Qutb, Muḥammad (1993), *op.cit.*, hal. 6-7.

¹⁷ Penulis tidak mengingati tajuk buku ini.

حَتَّىٰ أَخْضُلَ لِيَتَهُ وَبَكَتْ أَسَاقِفَتُهُ حَتَّىٰ أَخْضُلُوا
مَصَاحِفَهُمْ حِينَ سَعَوْا مَا تَلَأَ عَلَيْهِمْ ثُمَّ قَالَ

Adakah bersama kamu sesuatu yang diturunkan oleh Allah (s.w.t)?

Ja'far menjawab: Ya.

Al-Najasyi berkata: Bacakannya kepadaku.

Ja'far membacakannya kepadanya awal surah

Ummu Salamah menyebut: Demi Allah, al-Najasyi menangis sehingga basah janggutnya. Uskup-uskup mereka juga menangis sehingga menitis air mata di atas kitab-kitab mereka semasa mereka mendengar ayat-ayat yang dibacakan.

Kemudian al-Najasyi berkata: Sesungguhnya ini demi Allah, apa yang dibawa oleh Musa keluar daripada sumber yang sama.¹⁸

Kisah al-Najasyi dan uskup-uskupnya yang menangis apabila mendengar Ja'far membaca al-Qur'an, menambahkan lagi tarikan untuk penulis mengkaji surah ini. Peristiwa ini menunjukkan ada suatu keistimewaan yang ada dalam surah ini yang perlu diterokai sehingga menyebabkan mereka menangis.

1.9 Metodologi Kajian

Dalam kajian ini penulis menggunakan metodologi kualitatif bagi mendapatkan data dan membuat penelitian terhadap fakta yang diperolehi.

(a) Metode Pengumpulan Data

Dalam proses mengumpulkan data penulis melakukan kajian teks melalui pembacaan terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang diteliti. Dokumen-dokumen ini akan diperolehi melalui kajian perpustakaan. Penulis akan meninjau sumber-sumber yang berkaitan dengan tajuk seperti kitab-kitab tafsir, i'ja:z al-Qur'a:n, penyelidikan-penyelidikan yang telah dijalankan oleh penulis-penulis

¹⁸ Hadith riwayat Imam Ahmad no.1740. Menurut Syu'ayb al-Arna:ut hadith ini isnadnya hasan. Lihat: Musnad al-Imam Ahmad, j. 3, h. 268-269

yang lepas. Penulis turut meninjau laman-laman web atau forum di internet yang mempunyai kaitan dengan tajuk.

(b) Metode Analisis Data

Setelah data-data yang diperlukan diperolehi dan terkumpul penulis akan menjalankan proses analisis data untuk mendapatkan kesimpulan atau hasil penulisan. Dalam proses analisis data, penulis akan menggunakan metode-metode berikut:

(i) Metode Analisis Wacana (*Discourse analysis*)

Dalam menganalisis data, penulis akan menggunakan metode analisis wacana. Dari segi istilah, terdapat beberapa definisi yang diberikan oleh sarjana bahasa berhubung definisi wacana. Menurut Salkie wacana bermaksud regangan bahasa yang mungkin lebih daripada satu ayat.¹⁹ Wacana dijelaskan lagi oleh Stubbs(1983) sebagai kesatuan bahasa yang lebih besar daripada ayat atau klausa. Wacana merupakan unit-unit linguistik yang lebih besar daripada ayat atau klausa, seperti pertukaran-pertukaran percakapan atau teks-teks tertulis.²⁰

Menurut Brown & Yule (1988) pula berpendapat analisis wacana merujuk kepada analisis bahasa dalam konteks sosial dan kognitifnya. Analisis bahasa dalam penggunaannya. Dengan itu, ia tidak terhad kepada huraihan bentuk linguistik bebas tujuan atau fungsi bentuk tersebut yang digunakan bagi kegunaan manusia.²¹

¹⁹ Salkie (1995), *op.cit.*, hal. Ix.

²⁰ Stubbs (1983), *op.cit.*, hal. 1.

²¹ Gillian Brown and George Yule (1983), *op.cit.*, hal. 1.

Kesimpulannya analisis wacana merupakan satu metode yang mengkaji hubungan antara bahasa, struktur, pelaku dan konteks yang saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain. Ianya meliputi tujuan, khalayak, isi, tatabahasa, kosa kata, susunan, gaya dan paralinguistik.

Penulis dalam kajian ini memilih metode analisis wacana kerana kajian balaghah bukan sahaja menganalisis teks dari aspek-aspek seperti kosa kata, tatabahasa dan morfologi sebaliknya menghuraikan mengapa bahasa demikian digunakan.

(ii) Metode Induktif

Dalam metode induktif, penulis mengumpulkan maklumat secara berterusan bagi menjelaskan masalah yang dikaji. Penulis seterusnya mencari hubungan antara fakta-fakta atau keterangan yang terkumpul untuk membentuk satu gagasan fikiran. Metode ini digunakan oleh penulis dalam bab tiga hingga enam.

(iii) Metode Komperatif

Metode komperatif digunakan untuk membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan-perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi dalam masa penelitian dilakukan. Semasa penulis menganalisis data penulis akan membuat perbandingan antara pandangan-pandangan sarjana berkaitan sesuatu persoalan yang dibincangkan. Begitu juga semasa penulis menganalisis struktur ayat, penulis akan melihat pandangan sarjana dan ahli bahasa berkaitan persoalan yang dikaji dan di akhirnya penulis akan menyatakan pandangan peribadinya.

1.10 Penutup

Bab ini membincangkan latar belakang yang disifatkan sebagai kerangka kajian ini. Dalam pembentangan tersebut, penulis menyentuh beberapa perkara asas yang menjadi matlamat yang diperlukan oleh kajian ini.

Dalam usaha menghasilkan kajian yang bernalas, ilmiah dan tersusun penulis amat mengharapkan teguran serta kritikan yang membina. Kajian ini diharap dapat mencapai objektif yang telah digariskan serta dihuraikan selari dengan bidang dan batasan kajian.